

Graduan UMSKAL perlu rebut peluang

Ekonomi Labuan dijangka berkembang positif

UB 17.1.2018 B3

A HLI Parlimen
Labuan Datuk
Rozman Isli telah
menghadiri program
Sesi Ramah Mesra Ahli
Parlimen Labuan Bersama
Badan Kepimpinan Pelajar
Universiti Malaysia Sabah,
Kampus Antarabangsa
Labuan (UMSKAL), malam
Isnin.

Majlis anjuran Sektor
Hal Ehwal Pelajar (SHEP)
UMSKAL itu diketuai
Timbalan Naib Canselor
(HEPA) UMS Prof Dr Ismail
Ali.

Turut hadir, Timbalan
Pengarah UMSKAL Prof
Madya Dr Geoffrey Harvey
Tanakinjal, Timbalan
Pendaftar Kanan UMSKAL
Zamri Haji Mohaammad
Tuah, Ketua Jabatan HEPA
UMS Ahmad Nordin dan
Ketua SHEP UMSKAL Nur
Iman Reedzal.

Hadir sama, Pengarah
Jabatan Pengurusan Sumber
Manusia, Perbadanan
Labuan Norsiah Udin,
Timbalan Pengarah Kolej
Matrikulasi Labuan Hamizar
Tahir dan Naib Presiden
Majlis Perwakilan Pelajar
(MPP) Mohd Fadzil Mohd
Arfah.

Seramai 34 pelajar
termasuk pemimpin MPP
(5 orang), Jawatankuasa
Kebajikan Mahasiswa (4)
dan 25 pelajar dari Labuan
menghadiri perjumpaan itu.

Dalam ucapannya,
Rozman yang juga pengerusi



ROZMAN (empat kanan) menerima cenderamata daripada Ismail sambil diperhatikan Geoffrey (kiri), Zamri (tiga kanan), Hamizar dan Fadzil.

Perbadanan Labuan berharap pelajar UMSKAL akan merebut ruang dan peluang dalam bidang pekerjaan dan perniagaan selepas mereka menamatkan pengajian kelak.

Katanya, pada tahun ini, ekonomi Labuan yang dijangka berkembang positif bakal memberikan lebih banyak peluang pekerjaan dan perniagaan termasuk kepada graduan lepasan UMS Labuan.

Beliau juga yakin menerusi kemahiran dan kepakaran pelajar UMSKAL yang menuntut di Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) dan Fakulti Komputeran dan

Informatik (FKI) akan dapat digunakan untuk membantu membangunkan Wilayah Persekutuan Labuan pada masa akan datang.

"Graduan UMSKAL juga perlu merebut peluang pekerjaan dan perniagaan yang ditawarkan di pelbagai sektor kerajaan dan swasta di Wilayah Persekutuan Labuan," katanya.

"Saya berharap mahasiswa akan turut membantu membangunkan Wilayah Persekutuan Labuan pada masa akan datang," katanya.

Tambah Rozman, kehadiran pelajar UMSKAL juga menambah jumlah penduduk Labuan,

membantu menjana ekonomi tempatan dan merancakkan industri pelancongan Wilayah Persekutuan Labuan.

"Kehadiran pelajar UMSKAL memberi impak yang sangat besar kepada ekonomi, pertambahan penduduk dan industri pelancongan tempatan," katanya.

Beliau juga melahirkan rasa bangga kerana Labuan mempunyai sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) sekali gus menarik minat generasi muda untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Rozman juga berharap pemimpin pelajar UMSKAL



PELAJAR UMSKAL dari Labuan bersama Rozman (empat kanan).

akan terus mengasah bakat kepimpinan agar menjadi pemimpin yang berwibawa suatu hari nanti.

Sementara itu, Ismail mengingatkan pelajar UMSKAL agar sentiasa menjaga nama baik UMS, ibu bapa dan diri sendiri ketika menyertai apa jua program khususnya yang membabitkan masyarakat setempat.

Beliau yang mewakili Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin menasihatkan pelajar supaya menumpukan perhatian kepada pelajaran dan mengelak daripada terjebak dengan kegiatan yang boleh menjelaskan masa depan mereka.

"Pelajar mesti tumpukan kepada tugas utama mereka iaitu belajar bersungguh-sungguh agar menjadi menjadi insan yang berkualiti dan mampu menyumbang tenaga kepada agama, bangsa dan negara suatu hari nanti," katanya.

Mengenai majlis itu,

“Graduan UMSKAL juga perlu merebut peluang pekerjaan dan perniagaan yang ditawarkan di pelbagai sektor kerajaan dan swasta di Wilayah Persekutuan Labuan. Saya berharap mahasiswa akan turut membantu membangunkan Wilayah Persekutuan Labuan pada masa akan datang.”



DATUK ROZMAN ISLI
Ahli Parlimen Labuan



ISMAIL menyampaikan ucapan alu-aluan.

Ismail berkata ia merupakan program tahunan dan menjadi tradisi kepimpinan pelajar UMSKAL mengadakan perjumpaan dengan Ahli Parlimen Labuan.

Sambil mengucapkan terima kasih atas komitmen Rozman terhadap pembangunan UMSKAL selama ini, beliau mahu program seumpama itu dijadikan wadah untuk

mengeratkan hubungan baik yang sedia terjalin antara warga universiti dengan pemimpin di Wilayah Persekutuan Labuan.

Ismail merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada jabatan dan agensi kerajaan, sektor swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) yang sentiasa bergandingan bahu dengan UMSKAL menjayakan program anjuran pelajar dan kakitangan pada tahun lalu.

"Saya bagi pihak Naib Canselor UMS akan sentiasa memastikan pelajar memberikan kerjasama dalam menjayakan pelbagai program di Wilayah Persekutuan Labuan," katanya.

Ismail menambah pada ketika ini, UMSKAL mempunyai 2,162 pelajar termasuk 71 pelajar yang berasal dari Labuan selain menerima 652 pelajar baharu dari seluruh negara.



ROZMAN (empat kanan), Ismail (empat kiri) dan Zamri (tiga kanan) bersama pemimpin pelajar UMSKAL.